

Malaysia tetap rakan karib Britain

BH - 4/1/2019
m/s: 2

→ KL mampu jadi jambatan hubungkan United Kingdom dengan negara anggota ASEAN

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Malaysia ditakrif mampu memainkan peranan utama sebagai jambatan menghubungkan Britain dan negara anggota ASEAN lain, selaras dengan perhubungan baik yang dimeterai sekian lama.

Setiausaha Negara bagi Hal Ehwat Luar dan Komanwel Britain, Jeremy Hunt, berkata Malaysia sejak dulu dinilai sebagai rakan karib Britain yang berkongsi pelbagai perkara, khususnya daripada aspek perhubungan dua hala dan perdagangan.

Beliau berkata, kehadiran pelabur dari negara ini turut membantu merencanakan aspek perdagangan, apa lagi apabila golongan terbabit bertanggungjawab membawa pembangunan pada skala besar di bahagian tengah London.

“Kami juga dapat menyaksikan kehadiran ramai pelabur dari benua Eropah di rantau ASEAN dan ia dengan jelas membawa manfaat

besar terhadap kedua-dua negara,” katanya dalam wawancara eksklusif bersama NSTP, di sini, semalam.

Terdahulu, Hunt yang mengadakan lawatan rasmi pertama ke negara ini atas kapasiti Setiausaha Negara turut mengadakan pertemuan bersama Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo.

Kerjasama kukuh

Ditanya mengenai aspek yang boleh ditambah baik dalam prospek hubungan dua hala kedua-dua negara, beliau berkata Malaysia dan Britain pada dasarnya memiliki asas kerjasama mampan serta kukuh.

Mengulas lanjut Hunt berkata, jalinan padu itu mampu memberikan pengaruh amat besar ke atas isu serantau, termasuk yang menyentuh isu sensitif seperti krisis etnik Rohingya di Myanmar.

“Saya melihat kedua-dua negara mula menyedari bahawa gabu-



Dr Mahathir menerima kunjungan hormat Hunt di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.



Saya melihat kedua-dua negara mula menyedari bahawa gabungan dua kuasa ini boleh membentuk satu kerjasama hebat yang boleh digunakan bagi menangani pelbagai isu, termasuk krisis kemanusiaan di Myanmar”

Jeremy Hunt,
Setiausaha Negara bagi Hal Ehwat Luar dan Komanwel Britain

ngan dua kuasa ini boleh membentuk satu kerjasama hebat yang boleh digunakan bagi menangani pelbagai isu, termasuk krisis kemanusiaan di Myanmar.

“Gabungan ini bukan sahaja boleh membantu menyelesaikan isu diplomatik yang mencabar, tetapi turut membuka ruang kepada Britain menerokai pasaran Asia dan tidak ada yang lebih memahami Britain selain Tun Dr Mahathir,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Hunt ketika mengulas mengenai kebebasan media dalam dasar luar negaranya berkata, jentera media Britain berhasil menggerakkan kempen bertaraf antarabangsa yang memberi impak positif kepada semua pihak terbabit.

Beliau berkata, kempen menentang keganasan terhadap wanita misalnya yang digerakkan lima tahun lalu berhasil membangkitkan kesedaran dalam kalangan komuniti global untuk memerangi masalah itu.

“Dasar luar Britain memberi ketumpukan kepada isu yang bukan sahaja berkisar dalam kalangan

rakyat tempatan, tetapi mencakupi penduduk antarabangsa di seluruh dunia.

“Sebagai contoh, lima tahun lalu kami melancarkan kempen memerangi keganasan terhadap wanita di negara konflik seperti Kongo dan Iraq. Ia amat berjaya dan hasilnya, banyak gerakan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa bangun membela nasib golongan ini,” katanya.

Peka kelestarian industri minyak sawit

Beliau turut menyatakan betapa Britain peka dengan langkah Malaysia memastikan kelestarian industri minyak sawit dan ketika sama ia tidak dibangunkan sehingga menyebabkan kemusnahan hutan yang menjejaskan alam sekitar.

“Kami berpeluang mengikuti kemajuan dicapai Malaysia dan akan melihat aspek ini dari satu sudut baik,” katanya ketika diminta mengulas pendirian Britain mengenai Kesatuan Eropah (EU) yang mahu menghentikan penggunaan minyak sawit menjelang 2030.